

06 NOV 1998

APEC-BERITA-TAJUDIN/I

TINDAKAN SEGERA DIPERLUKAN UNTUK ELAK KRISIS

Oleh: S. Durga Varma

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Sektor swasta di rantau Asia Pasifik berkata bahawa ekonomi-ekonomi Apec mestilah mengambil tindakan serta-merta, secara individu atau berkumpulan, untuk mengelakkan krisis kewangan sekarang yang menjejaskan Asia daripada meningkat menjadi krisis global.

Di dalam satu laporan, Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac), berkata para pemimpin ekonomi mestilah bertindak dengan muktamad untuk mengekang masalah teruk kerana krisis ini akan dengan jelas menguji keazaman Apec untuk mencari penyelesaian.

Sambil berkata bahawa para pemimpin telah mengakui kebimbangna yang meningkat terhadap kemudahan di dalam aliran kewangan di dalam Apec, pengerusi Abas Tan Sri Tajudin Ramli, berkata di dalam surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, bahawa pentingnya tanggungjawab bersama mestilah ditekankan semula bagi memastikan matlamat Apec dan semangat bermasyarakat tidak hilang.

Surat Tajudin itu, yang terkandung di dalam "Laporan Abac 1998 kepada Para Pemimpin Ekonomi" diserahkan kepada Dr Mahathir hari ini,

Ia juga menyatakan betapa pentingnya untuk bersikap inovatif dalam pemikiran, berterus terang dalam menilai realiti dan berani dalam menerima penyelesaian alternatif dan fleksibel untuk menangani krisis itu.

Laporan itu bertajuk, "APEC Bersungguh-sungguh: Memulihkan Keyakinan, Menjana Semula Pertumbuhan" ditanda tangan oleh pengerusi bersama Abas Paul Gobeil, Naib Presiden Metro Richelieu Inc of Canada, Philip Burdon, pengerusi Asia 2000 Foundation of New Zealand dan beberapa pengerusi pasukan petugas dan anggota-anggota Abac.

Tajuddin berkata walaupun terdapat jangkitan kewangan, Abac terus percaya bahawa perdagangan bebas di rantau ini menjelang tahun 2010 bagi ekonomi-ekonomi maju dan 2020 bagi ekonomi-ekonomi sedang membangun haru sekal sebagai matlamat Apec.

"Sungguhpun liberalisasi perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan telah menyebabkan pengujudan kekayaan yang besar, percabangan perdagangan spekulatif adalah tidak jelas.

"Liberalisasi kurang matang pasaran-pasaran modal di sesetengah ekonomi telah menyebabkan kos dan akibat yang tidak dirancang.

"Akibat kesan hebat berkaitan dengan akibat-akibat itu, sesetengah ekonomi anggota telah terpaksa memperkenalkan langkah-langkah untuk menebat diri mereka sendiri daripada jangkitan itu," katanya.

Sebagai majlis penasihat perniagaan Apec, majlis itu mempunyai mandat untuk memberikan perakuan yang tepat dan berkaitan ke arah pencapaian matlamat-matlamat Apec, dengan mengambil kira krisis semasa yang mencabar asas masyarakat, perniagaan dan perdagangan bebas di sesetengah ekonomi Apec.

-- BERNAMA

DVS SHY OS